

**TEKS UCAPAN**  
**PUAN MAIMUNAH MOHD SHARIF**  
**YANG DIPERTUA MPSP**

**DI MAJLIS MOTIVASI PELAJAR CEMERLANG KEPADA ANAK-ANAK KAKITANGAN MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI PADA 8 JUN 2011 DI AUDITORIUM, MPSP, BANDAR PERDA**

Terima kasih pengacara Majlis.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berusaha **Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**  
Setiausaha Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Che Limah binti Ujang Timbalan Pengerusi PUSPANITA MPSP

Yang Berbahagia En. Azizan bin Ismail selaku penceramah untuk Program Motivasi Pelajar Cemerlang.

Ajk-Ajk PUSPANITA MPSP dan anak-anak kakitangan MPSP sekalian,

1. Pertama sekali, bersyukur kepada tuhan kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan untuk sama-sama menghadiri Program Motivasi Pelajar Cemerlang pada hari ini.
2. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khusus kepada Biro Pendidikan dan Agama selaku Urusetia Program Motivasi Pelajar Cemerlang yang telah berusaha menjayakan program pada pagi ini.
3. Saya juga memanjatkan rasa kesyukuran kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapat saya hadir di majlis yang besar ertinya ini dan seterusnya merasmikan Program Motivasi Pelajar Cemerlang pada hari ini.
4. Syukur Alhamdulillah, Program selama satu hari ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada anak-anak kakitangan MPSP yang bakal menduduki peperiksaan UPSR, PMR dan SPM.

5. Saya difahamkan isi kandungan program ini juga dapat memberi pelajar-pelajar mahir di dalam belajar, berfikir, berkomunikasi, bersosial dan sebagainya. Latihan Dalam kumpulan (LDK) juga dapat melatih pelajar menerapkan nilai-nilai murni seperti bekerjasama di dalam kumpulan dan bertolak ansur serta meningkatkan keyakinan diri.
6. Saya berharap semoga pelajar sekalian akan dapat mempraktikkan ilmu yang dipelajari ini pada setiap masa bagi membolehkan kita melahirkan satu masyarakat Malaysia yang berilmu dan berwawasan serta beramal soleh.
7. Dengan lafadz Bismillahirrahmanirrahim sukacitanya saya merasmikan Program Motivasi Pelajar Cemerlang.

Sekian, terima kasih.